

Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang' 2003 mulai 9 Ogos

KOTA KINABALU: Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2003 peringkat Negeri Sabah akan bermula 9 hingga 23 Ogos tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Induk program itu, Datuk Haji Abdul Rahim Ismail berkata majlis pelancaran akan diadakan di Tawau oleh Ketua Menteri, Datuk Haji Musa Haji Aman manakala penutupannya diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

“Perlaksanaan program tahun ini melibatkan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta swasta dan dijangka ia akan mendapat sambutan daripada semua lapisan masyarakat sama ada di bandar mahupun luar bandar seperti tahun lepas,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan Negeri, berkata demikian ketika mempengerusikan

mesyuarat Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang di Bilik Mesyuarat Jabatan Penerangan di sini kelmarin.

Antara objektifnya ialah, meningkatkan semangat patriotisme dan rasa tanggungjawab terhadap kerajaan di mana kepentingan Negara adalah lebih utama daripada kepentingan peribadi.

Sasaran Kempen Kembara Merdeka Jalur Gemilang ini ialah pelajar-

pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPTA/S), Ahli Politik, K3P, Penggerak Bestari, kakitangan kerajaan dan swasta, Ahli Kelab Setia dan keseluruhan lapisan Masyarakat.

Menurut Rahim, program itu adalah kesinambungan daripada pelaksanaan yang sama pada tahun sebelumnya yang telah menarik perhatian orang ramai untuk memperingati makna perjuangan kemerdekaan serta

menyemarakkan hari kebangsaan dengan kibaran Jalur Gemilang.

Seramai 50 peserta akan terlibat dalam Kembara Merdeka itu yang dijangka akan menjelajahi sebanyak 34 buah daerah seluruh negeri.

Program kembara tahun ini bertepatan Kerana Mu-Malaysia Gemilang dengan slogan Jalur Gemilang: Dekat Di Mata Dekat Di Hati. - **Oleh Almawati Rakim**